

15 MAR 1997

Kuan Yew-Diplomat

DIPLOMAT DI GENEVA TURUT TERKEJUT DENGAN KENYATAAN LEE

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Kenyataan menghina Johor yang dibuat Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew turut mengejutkan para diplomat di Geneva, kata Naib Ketua Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein yang menghadiri persidangan Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi di Geneva.

Kebanyakan diplomat yang mengenali dan pernah datang ke Malaysia tahu kenyataan Lee itu "tidak diterima akal dan tidak logik", katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Hishamuddin, anak kepada bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn juga merupakan ketua penerangan Umno Johor, Anggota Parlimen Tenggara dan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Hishamuddin berkata beliau terkejut apabila mendengar kenyataan Lee melalui laporan CNN dan ramai diplomat di Geneva menyatakan yang serupa.

"Bagi saya, kenyataan itu tidak langsung diperlukan, bernada menghina dan tidak langsung sesuai diluahkan oleh seorang yang sepatutnya menjadi negarawan Asia dan sahabat Malaysia," katanya.

Mengambil kira hubungan unik antara Malaysia dan Singapura, Lee sepatutnya memohon maaf secara peribadi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Hishamuddin berkata walaupun Lee telah meminta maaf melalui setiausaha akhbar, beliau harus menarik balik kenyataan yang terkandung dalam afidavit bersumpah 27 Jan lepas berhubung kes saman malu terhadap bekas calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong.

Dalam afidavit itu, Lee berkata Johor sebagai "terkenal dengan kejadian tembak-menembak, samun dan merampas kereta". Tang, yang tewas dalam pilihan raya umum Singapura baru-baru ini melarikan diri ke Johor kerana mendakwa menerima ugutan bunuh di republik itu.

Hishamuddin berkata ini merupakan kali kedua dalam masa kurang setahun Lee menggunakan Malaysia untuk kepentingan dirinya dan kali ini telah bertindak jauh.

"Kita di sini tidak boleh disifatkan sebagai hantu setiap kali mereka menghadapi pilihan raya dan kita juga tidak boleh dijadikan tempat melepaskan geram setiap kali dia menghadapi konfrontasi peribadi dengan warga Singapura," katanya.

"Sebagai pemimpin muda Malaysia, saya kesal dengan kenyataan beliau terutama ketika generasi muda kedua-dua negara sedang berusaha keras untuk membina ikatan. Beliau telah menunjukkan contoh yang tidak baik kepada generasi muda," katanya.

Sementara itu, Ketua Pembangkang Lim Kit Siang berkata Lee sepatutnya menarik semula afidavit itu kerana kenyataan maafnya belum mencukupi.

Setiausaha Agung DAP itu berkata penjelasan yang dibuat oleh setiausaha akhbar Lee bahawa afidavit itu bukan untuk tatapan umum dan hanya berdasarkan persepsi Lee terhadap Johor lebih melukakan hati rakyat Malaysia.

"Sementara menunggu Lee menarik semula kenyataannya yang menghina Johor, biar rakyat Malaysia tunjukkan apa yang perlu dipelajari Singapura iaitu kita menilai maruah manusia berdasarkan kemurahan hati dan hubungan antarabangsa yang baik dan bukannya sifat berdendam," katanya. -- BERNAMA

TCL HJ RON